

# Suhaimi dicalon semula Ketua Pemuda UMNO

**LUMUT, Isnin —** Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Lumut mencalonkan semula Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Perhimpunan Agung, Pergerakan Pemuda Umno, September depan.

Bagi jawatan Naib Ketua, Pergerakan Pemuda itu mencalonkan Menteri Besar Pahang, Datuk Najib bin Tun Razak.

Pergerakan Wanita Umno Bahagian itu pula, mencalonkan Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz sebagai Ketua Pergerakan Wanita Umno Malaysia.

Sementara bagi Naib Ketua, Pergerakan Wanita Bahagian mencalonkan Puan Marina Yusuff, ahli Majlis Tertinggi Umno Malaysia.

## Meluluskan

Pencalonan itu dibuat di mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Bahagian di Sitiawan, semalam.

Dalam pemilihan pucuk pimpinan pemuda dan wanita bahagian Lumut, kedua-dua pemimpin pemuda dan wanita menang tanpa bertanding.

Ketua Pergerakan Pemuda ialah Encik Ahmad Zamri bin Shamsuddin dan Ketua Wanitanya, Puan Hajjah Ainon Mardziah Md. Gelan.

Sementara itu, pergerakan Wanita Umno Bahagian meluluskan usul tergepar menggesa Kerajaan Negeri Perak mewujudkan jawatan Timbalan Menteri Besar. Usul itu dibentang oleh Umno Wanita Cawangan Kampung Sitiawan.